

Headline	Lompat si katak lompat
MediaTitle	Utusan Malaysia
Date	02 Dec 2021
Page No	15
PR Value	RM 97,902

**UIAM  
BERHUKAH**  
Oleh  
Dzulkipli Abdul Razak

**K**EBELAKANGAN ini acap kali katak dijadikan bahan sindiran kepada segolongan manusia. Haiwan yang dijadikan Tuhan ini seolah-olah dipersalahkan kerana ia melompat sebagai tabiinya seperti mana haiwan lain, kangaroo misalnya.

Kalau tidak melompat, bagaimanalah agaknya haiwan tersebut hendak bergerak? Maka setiap lompatan yang dilakukan sudah tentu sesuai dengan naluri kehaiwanan untuk terus hidup sebaik mungkin.

Sebab itu juga kaki belakangnya lebih panjang untuk melonjak dengan kuat dari satu tempat ke tempat lain. Ini hakikat, ia juga pernah dijadikan latihan jasmani sebagai satu senaman harian. Manfaatnya meliputi jantung dan dari kepala hinggalah ke hujung kaki. Jadi, kenapa dipersendakan atau dijadikan bahan ejekan dan sindiran?

Apapun, dalam dunia perniagaan dan pengurusan, lompatan katak diberi pengiktirafan tinggi dikenali sebagai *leap frogging*. Yakni bermaksud suatu lompatan yang jauh lagi strategik buntutnya.

Semasa Perang Dunia Kedua, ini adalah satu strategi yang digunakan untuk menawan kedudukan musuh. Namun, kini ia lebih berkaitan dengan memenangi persaingan ekonomi. Contoh, berkaitan kesan telefon bimbit ke atas negara membangun tanpa mengalami banyak proses pembangunan prasarana lain yang memerlukan pelaburan besar.

Ini penting dalam dunia perlumbaan yang sengit di mana lompatan tersebut amat dialu-alukan serta dituntut agar mendahului pihak lain dengan pantas, sekali gus menawan pasaran serta melebarkan pengaruh. Hal ini sudah tentunya dianggap langkah positif yang sengaja dirancang untuk mengatasi lawan dengan ketara sekali.

Ia bukan satu bentuk sindiran atau perli kerana

## Lompat si katak lompat



banyak negara serta masyarakat memperoleh kejayaan sebegitu rupa.

Namun, tidak semua katak dapat melakukan sedemikian, bermakna *leap frogging* juga mempunyai keistimewaan tersendiri. Jika dirujuk kepada manusia, ia mirip kepada kebolehan atau kepakaran tertentu yang dipunyai untuk memperoleh kemenangan. Bukan sembarangan.

Mungkin di sinilah terletaknya keasyikan menyindir seseorang sebagai seekor katak. Apabila melompat tidak membawa apa-apa keuntungan, sebaliknya kerugian. Baik kepada diri, apa lagi kepada tempat lompatan yang disasarkan.

Mungkin juga jenis katak terlibat tidak sesuai atau tersalah pilih! Oleh itu, dalam hal ini ada yang lebih mempersoalkan hal-hal prinsip kerana terang-terangan mengutamakan kepentingan diri, baik bagi yang melompat mahupun penerima lompatan tersebut. Katak, walau bagaimanapun secara semula jadi sememangnya melompat untuk menjaga kepentingan

hidup dan tiada yang lain. Jadi, tidak menghairankanlah.

### KATAK REBUS

Dalam pada itu, ada juga katak yang enggan melompat kerana terlalu selesa dengan persekitarannya. Di dalam sebuah perigi yang gelap gelita misalnya, terdapat banyak katak hanya duduk membisu. Elok pula jika ada sedikit air bertakung sesuai dengan tabii persekitaran si katak. Sudah barang tentu ia tidak akan berganjak apatah lagi hendak melompat keluar. Ini dapat dibuktikan melalui satu percubaan. Letakkan seekor katak dalam sebuah bekas kaca berisi air suam. Selepas katak tersebut kelihatan selesa, nyalakan lilin dan letakkan di bawah bekas kaca tadi, tetapi jangan terlalu dekat.

Tujuannya untuk memanaskan air dalam bekas secara perlahan-lahan, sehinggalah ia mendidih. Apabila sampai titik didih, akhirnya si katak itu akan mati terabus kerana masih enggan berganjak. Ini kerana ia terus menyelesaikan diri dengan suasana seadanya walaupun air yang merendambnya kian

bertambah panas. Yakni haiwan itu akan mati direbus.

Jika perubahan suhu air tadi disamakan dengan kemelut alam sekitar kita, manusia juga turut terbunuh jika enggan berubah kerana terlalu selesa dengan persekitarannya.

Tiada bezanya dengan katak rebus tadi. Dalam suasana pandemik Covid-19, banyak yang mengalami kejadian "katak rebus" tanpa disedari sama sekali. Enggan mengamalkan norma baharu kerana masih terpaku dengan cara lama.

Mereka ini lebih merupakan katak di bawah tempurung. Tidak kisah tentang apa yang berlaku di sekitarnya, tidak pun mahu menerima apa-apa pembaharuan.

Maka wajarlah kita menjadikan si katak pengajaran kepada semua. Sekurang-kurangnya berwaspada dan mengambil iktibar daripada apa yang dilalui kitaran hidup seekor katak semula jadi. Melompat biarlah kena tempat dan masanya, begitu juga jika enggan berganjak! Jika tidak, besar kemungkinan akan membawa padah luar jangkaan

kepada diri sendiri dan pelbagai pihak lain.

Di sinilah bezanya manusia dengan si katak kerana haiwan tidak terdorong seperti perilaku manusia yang waras berfikir tetapi tidak kesampaian. Oleh itu, mempersendakan seekor katak tidak langsung membawa apa-apa makna ataupun kena pada tempatnya. Bahkan sia-sia sahaja, seolah-olah memperbodohkan diri sendiri jua dengan umpatan tersebut.

*Lompat si katak lompat,  
Lompat biarlah tinggi,  
Jangan mudah suka  
mengumpat,  
Nescaya akan memakan diri.*

*Lompat si katak lompat,  
Lompat keluar ke tepi perigi,  
Hidup biar mencari berkat,  
Semoga kelak penuh bererti.*

*Lompat si katak lompat,  
Lompat jauh membina strategi,  
Jika langkah membawa  
manfaat,  
Akan terbentuk cerminan budi.*

PROFESOR Emeritus Tan Sri Dzulkipli Abdul Razak ialah Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)



Abdul Razak

# Lompat si katak lompat

BEKALANGAN ni acap kali katak dijadikan bahan indiran kepada egologan niwan yang rihan ini seolah- dahkan kerana ia ebagai tabiinya a haiwan lain, isalnya, ak melompat, ah agaknya haiwan adak bergerak? lompatan yang idah tentu sesuai in kehaiwanan hidup sebaik

juga kaki i lebih panjang jak dengan kuat npat ke tempat ikat. Ia juga pernah ihan jasmani senaman harian. meliputi jantung ala hinggalah iki. Jadi, kenapa an atau dijadikan n dan sindiran? lam dunia an pengurusan, tak diberi n tinggi dikenali frogging. Yakni uatu lompatan gi strategik

erang Dunia lalah satu g digunakan wan kedudukan un, kini ia an dengan persaingan toh, berkaitan i bimbil ke atas bangun tanpa anyak proses in prasarana lain lukan pelaburan

g dalam dunia yang sengit di tan tersebut amat serta dituntut ului pihak lain as, sekali gus an serta pengaruh. Hal tunya dianggap tif yang sengaja ituk mengatasi n ketara sekali. atu bentuk i perli kerana



banyak negara serta masyarakat memperoleh kejayaan sebegitu rupa. Namun, tidak semua katak dapat melakukan sedemikian, bermakna *leap frogging* juga mempunyai keistimewaan tersendiri. Jika dirujuk kepada manusia, ia mirip kepada kebolehan atau kepakaran tertentu yang dipunyai untuk memperoleh kemenangan. Bukan sembarangan.

Mungkin di sinilah terletak keasyikan menyindir seseorang sebagai seekor katak. Apabila melompat tidak membawa apa-apa keuntungan, sebaliknya kerugian. Baik kepada diri, apa lagi kepada tempat lompatan yang disasarkan.

Mungkin juga jenis katak terlibat tidak sesuai atau tersalah pilih! Oleh itu, dalam hal ini ada yang lebih mempersoalkan hal-hal prinsip kerana terang-terangan mengutamakan kepentingan diri, baik bagi yang melompat mahupun penerima lompatan tersebut. Katak, walau bagaimana secara semula jadi sememangnya melompat untuk menjaga kepentingan

hidup dan tiada yang lain. Jadi, tidak menghairankanlah.

## KATAK REBUS

Dalam pada itu, ada juga katak yang enggan melompat kerana terlalu selesa dengan persekitarannya. Di dalam sebuah perigi yang gelap gelita misalnya, terdapat banyak katak hanya duduk membisu. Elok pula jika ada sedikit air bertakung sesuai dengan tabii persekitaran si katak. Sudah barang tentu ia tidak akan berganjak apatah lagi hendak melompat keluar. Ini dapat dibuktikan melalui satu percubaan. Letakkan seekor katak dalam sebuah bekas kaca berisi air suam. Selepas katak tersebut kelihatan selesa, nyalakan lilin dan letakkan di bawah bekas kaca tadi, tetapi jangan terlalu dekat.

Tujuannya untuk memanaskan air dalam bekas secara perlahan-lahan, sehinggalah ia mendidih. Apabila sampai titik didih, akhirnya si katak itu akan mati teribus kerana masih enggan berganjak. Ini kerana ia terus menyelesaikan diri dengan suasana seadanya walaupun air yang merendamnya kian

bertambah panas. Yakni haiwan itu akan mati direbus.

Jika perubahan suhu air tadi disamakan dengan kemelut yang menyelubungi suasana alam sekitar kita, manusia juga turut terbunuh jika enggan berubah kerana terlalu selesa dengan persekitarannya.

Tiada bezanya dengan katak rebus tadi. Dalam suasana pandemik Covid-19, banyak yang mengalami kejadian 'katak rebus' tanpa disedari sama sekali. Enggan mengamalkan norma baharu kerana masih terpaku dengan cara lama.

Mereka ini lebih merupakan katak di bawah tempurung. Tidak kisah tentang apa yang berlaku di sekitarnya, tidak pun mahu menerima apa-apa pembaharuan.

Maka wajarlah kita menjadikan si katak pengajaran kepada semua. Sekurang-kurangnya berwaspada dan mengambil iktibar daripada apa yang dilalui kitaran hidup seekor katak semula jadi. Melompat biarlah kena tempat dan masanya, begitu juga jika enggan berganjak! Jika tidak, besar kemungkinan akan membawa padah luar jangkaan

kepada diri sendiri pelbagai pihak lain.

Di sinilah bezanya dengan si katak kerana haiwan tidak terdorong seperti perilaku manusia yang waras berfikir tidak kesampaian. Tidak mempersendakan tidak langsung merapakan apa-apa makna atau pada tempatnya. Bersia-sia sahaja, seolah-olah memperbodohkan dunia dengan umpatan

*Lompat si katak lon Lompat biarlah ting Jangan mudah suka mengumpat, Nescaya akan memu*

*Lompat si katak lon Lompat keluar ke te Hidup biar mencari Semoga kelak penul*

*Lompat si katak lom Lompat jauh membi Jika langkah memba manfaat, Akan terbentuk cern*

PROFESOR Ementus Ti Abdul Razak salah Rektor Islam Antarabangsa Mal